

SOALAN NO: 431

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SIM TZE TZIN

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru) minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerjaan baru yang dicipta di kawasan Parlimen Bayan Baru dari tahun 2013 hingga 2017. Nyatakan purata gaji pekerjaan-pekerjaan baru ini.

PR-1361-T01774

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja(JTK) telah menyediakan perkhidmatan yang dikenali sebagai portal *JobsMalaysia*. Perkhidmatan ini disediakan kepada pencari kerja warganegara yang ingin memohon pekerjaan dan pihak majikan yang ingin menawarkan kekosongan jawatan pepadanan pekerjaan secara atas talian yang terdapat akses internet. Melalui perkhidmatan ini, permohonan pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dikehendaki. Kemudahan ini boleh diperolehi di 54 buah Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di Semenanjung, di 14 buah pejabat PTK Sabah dan di 16 buah PTK Sarawak serta di 21 *JobsMalaysia Centre(JMC)*.

2. Walau bagaimanapun, kementerian tiada maklumat yang diklasifikasikan secara terperinci mengenai jumlah pekerjaan baru yang dicipta di kawasan Parlimen Bayan Baru dari tahun 2013 hingga 2017. Namun, kekosongan jawatan yang dilaporkan di daerah Georgetown dan Butterworth adalah seperti berikut:

Kekosongan Jawatan Yang Dilaporkan Di Pulau Pinang Mengikut MASCO dari tahun 2013 -2017

Daerah	Pengurus	Profesional	Juruteknik Dan Profesional Bersekutu	Pekerja Sokongan Perkeranian	Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan	Pekerja Mahir dan Pekerja Pertukangan Berkaitan	Operator Loji dan Mesin dan Pemasang	Pekerja Asas	Jumlah Keseluruhan
Georgetown	119	1,376	2,460	972	12,438	460	3,179	70,592	92,145	183,741
Butterworth	120	2,415	3,486	2,501	11,611	1,057	7,202	56,491	139,309	224,192
Jumlah	239	3,791	5,946	3,473	24,049	1,517	10,381	127,083	231,454	407,933

Tuan Yang Di Pertua,

3. Julat gaji yang ditawarkan mengikut kumpulan pekerjaan adalah seperti berikut:

Julat gaji mengikut kumpulan pekerjaan

Kumpulan Pekerjaan	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
Pengurus	RM5,000	RM10,000
Profesional	RM2,500	RM5,000
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	RM2,000	RM8,000
Pekerja Sokongan Perkeranian	RM1,000	RM1,300
Pekerja Perkhidmatan & Jualan	RM1,000	RM5,000
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	RM1,000	RM1,500
Pekerja Mahir & Pekerja Pertukangan Berkaitan	RM1,000	RM5,000
Operator Loji & Mesin dan Pemasang	RM1,000	RM3,500
Pekerja Asas	RM1,000	RM1,000

4. Kementerian menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah merangka dan menawarkan pelbagai program bagi meningkatkan kebolehpekerjaan rakyat terutamanya menangani pengangguran negara. Melalui sistem Portal *JobsMalaysia*, kekosongan keseluruhan jawatan aktif sehingga Februari 2018 sebanyak 101,396 jawatan kosong telah diiklankan oleh majikan. Kekosongan jawatan terdiri daripada 4,885 kekosongan untuk golongan siswazah dan 96,511 bukan siswazah.